

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kesediaan untuk mengkaji semula penggunaan Hentian Greenwood yang dihentikan terutama penggunaan bas daripada Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Isu berkenaan Hentian Bas Greenwood ini merupakan isu yang telah dibangkitkan sejak tahun 2015 yang lalu. Hentian Bas Greenwood didapati tidak menyediakan kemudahan asas yang selesa dan selamat untuk penumpang. Aktiviti bas ekspres seperti berhenti untuk menurun dan mengambil penumpang, memasukkan dan mengeluarkan bagasi/barangan dari bas serta kedudukan hentian berhampiran 2 lampu isyarat dan persimpangan utama menyumbang kepada kesesakan dan kesukaran pengguna jalanraya dan juga penduduk sekitar.
2. Hentian Bas Greenwood adalah sebuah hentian bas untuk operasi bas berhenti-henti dan tidak selamat dan kondusif untuk operasi bas ekspres. Bas ekspres memerlukan lay-by yang sesuai dan selamat untuk menurun dan mengambil penumpang serta memasukkan dan mengeluarkan bagasi/barangan dari bas.
3. Pengguna bas ekspres di Gombak, Sentul dan kawasan berhampiran boleh menggunakan perkhidmatan rel iaitu KTM Komuter dan LRT untuk ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS). Pembinaan Terminal Berintegrasi Gombak yang dijangka siap penghujung 2019 dan akan dapat memberi keselesaan kepada pengguna bas di kawasan utara pusat bandar untuk perjalanan ke pantai timur.
4. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan berpendapat keputusan untuk menghentikan kegiatan mengambil dan menurunkan penumpang bas ekspres di Hentian Bas Greenwood perlu dikekalkan kerana ketidakesuaian hentian tersebut untuk menyediakan perkhidmatan yang selesa dan selamat kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

